

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, September 12, 2019 9:05 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Mesyuarat Pemantauan Projek Bincang Dan Kenal Pasti Isu Kritikal Projek Pembangunan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

12 SEPTEMBER 2019 / 12 MUHARAM 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

MESYUARAT PEMANTAUAN PROJEK BINCANG DAN KENAL PASTI ISU KRITIKAL PROJEK PEMBANGUNAN



UUM ONLINE: Bagi membincangkan dan mengenal pasti isu-isu pembangunan di universiti, Mesyuarat Pemantauan Projek Pembangunan Universiti Awam (PPUA) dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah diadakan di Bilik Senat, pagi tadi.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad berkata, UUM komited dalam memelihara sumber alam dan meningkatkan kualiti persekitaran kampus yang dikelilingi keindahan flora dan fauna.

Menurutnya, UUM yang terletak jauh dari hiruk pikuk bandar menyediakan kemudahan penginapan di dalam kampus kepada pelajar yang kini mencecah seramai 33,016 orang.

"Selain itu, universiti ini juga terdapat bangunan-bangunan utama yang turut menempatkan pelbagai jabatan termasuk daripada kolej akademik yang mana semua bangunan ini memerlukan kos penyenggaraan dan sistem teknologi terkini agar terus kekal relevan dengan teknologi semasa.

"Kini, terdapat satu projek dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) dan tiga projek di bawah RMK-11 yang sedang dalam proses pembinaan, manakala lima lagi projek dalam proses perolehan," katanya.

Tambahnya lagi, beliau berterima kasih di atas komitmen dan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam melaksanakan projek pembangunan di UUM.

Katanya, UUM berharap agar semua projek yang diluluskan peruntukan dapat dipercepatkan supaya keadaan kondusif dapat disediakan kepada pelajar, sekali gus membantu universiti menyelesaikan masalah aduan pelajar tentang isu kemudahan dan infrastruktur di UUM.

Mesyuarat yang dipengerusikan Timbalan Setiausaha Bahagian Kanan Pembangunan, Jabatan Pendidikan Tinggi, KPM, Dato' Che Sukri Che Mat itu bertujuan untuk memantau prestasi perbelanjaan dan kemajuan fizikal terkini bagi setiap projek pembangunan di universiti awam, politeknik dan kolej komuniti.

Selain itu, mesyuarat tersebut juga adalah bagi mengenal pasti dan membincangkan isu-isu kritikal projek pembangunan yang sedang dilaksanakan di Kementerian.

Pada mesyuarat itu, terdapat dua sesi pembentangan mengikut zon melibatkan 22 universiti awam dan politeknik serta kolej komuniti seluruh negara.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.